

13 JAN 1997

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA DI LOS ANGELES UNTUK LAWATAN KERJA

Oleh: Salmy Hashim

LOS ANGELES, 13 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, pada Ahad untuk memulakan lawatan kerja seminggu ke Los Angeles dan Lembah Silicon California.

Lawatan Dr Mahathir dipenuhi dengan pertemuan dengan ketua-ketua industri termasuk pertemuan dengan pengasas dan ketua pegawai eksekutif Microsoft Corp, Bill Gates.

Perdana Menteri juga dijadualkan melawat studio-studio penggambaran dan syarikat multimedia, menyaksikan majlis menandatangani sekurang-kurangnya lapan memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat multimedia Amerika dan Malaysia, dan menyertai penuntut-penuntut Malaysia dalam dua majlis berbuka puasa.

Dr Mahathir yang mengetuai 150 anggota rombongan daripada syarikat-syarikat Malaysia dan perbadanan kerajaan akan berucap di hadapan wakil-wakil industri filem Hollywood di Hotel Beverly Hills, dan berucap kepada ratusan pelabur Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berpotensi dalam dua forum perniagaan iaitu di Universiti California di Los Angeles (UCLA) dan di Universiti Stanford.

Pertemuan pertama antara 29 anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) daripada Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri di Stanford University di Palo Alto, merupakan agenda penting dalam lawatannya.

Panel yang akan menjadi penasihat kepada kerajaan mengenai masa depan MSC, terdiri daripada pakar perunding IT seperti Dr Keniche Ohmae dari Jepun yang mengajar di UCLA dan Universiti Stanford.

Anggota panel lain ialah mereka yang terkenal dalam industri multimedia seperti Bill Gates dari Microsoft, James Barksdale dari Netscape, Louis Gerstner dari IBM, Nobuyuki Idei dari Sony dan Gary Tooker dari Motorola.

Perdana Menteri juga dijangka melancarkan program pentadbiran kerajaan menggunakan sistem elektronik di MSC yang pada masa depan akan menghubungkan 100,000 kakitangan kerajaan melalui pelbagai teknik multimedia, membolehkan jabatan-jabatan kerajaan berkongsi pangkalan data dan berhubung antara satu sama lain melalui mel elektronik atau e-mail.

Sistem itu juga akan memberi peluang kepada orang ramai, ahli perniagaan, pembuat dasar dan kakitangan kerajaan untuk berhubung antara satu sama lain secara elektronik.

Perdana Menteri dan rombongannya akan ke Tokyo pada 18 Jan ini untuk lawatan empat hari bagi memperkenalkan MSC kepada syarikat-syarikat teknologi tinggi di Jepun.

Projek MSC yang dijangka menjadikan negara sebagai pusat IT yang maju di rantau ini, akan meliputi Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran kerajaan yang baru di Putra Jaya. -- BERNAMA

SH SN PR